

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	22 JUNE 2016

PM lulus peruntukan RM620,000 untuk sekolah bahasa Siam

KUALA LUMPUR 21 Jun - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak meluluskan peruntukan sebanyak RM620,000 kepada 34 buah sekolah bahasa Siam di Kedah, Perlis dan Perak.

Senator Datuk Seri Boon Som Inong berkata, kelulusan peruntukan itu diberikan dalam satu pertemuan di pejabat Perdana Menteri di Putrajaya, Khamis lalu.

Jelasnya, peruntukan secara

sekali gus itu bagi menampung operasi sekolah bahasa Siam di ketiga-tiga negeri tersebut pada tahun ini dan ia merupakan kali ketiga Perdana Menteri meluluskan peruntukan untuk sekolah bahasa Siam di negeri-negeri berkenaan.

"Masyarakat Siam mengucapkan jutaan terima kasih kepada Perdana Menteri atas kelulusan peruntukan berkenaan. Kami berasa bertuah kerana mendapat

perhatian Perdana Menteri dan kerajaan pimpinan beliau selama ini walaupun bumiputera Siam adalah golongan minoriti," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen hari ini.

Pada 2012, Perdana Menteri meluluskan sebanyak RM500,000 untuk sekolah bahasa Siam di ketiga-tiga negeri berkenaan dan sebanyak RM620,000 diluluskan pada 2013.

Sekolah bahasa Siam di Kelan-

tan dan Terengganu turut menerima peruntukan sebanyak RM200,000 bagi tempoh lima tahun mulai 2014 menerusi Persatuan Masyarakat Siam Kelantan.

Boon Som menambah, sekolah bahasa Siam adalah sekolah yang ditubuhkan atas inisiatif masyarakat serta pengurusan Wat Siam di negara ini bagi mengajar bahasa ibunda kepada generasi muda kerana ketika ini tidak ada subjek bahasa Siam di sekolah.

UM - 22/6/2016